

# Ekonomi merosot masa terbaik buat pelaburan

► Kerana tidak memerlukan modal pelaburan yang banyak

UB 3.12.2015 A7

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL

**KOTA KINABALU:**  
Pengasas Jobstreet.com, Mark Chang, 50, berkata, keadaan ekonomi merosot adalah masa terbaik untuk membuat pelaburan.


Mark yang juga Profesor Adjung Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) berkata, ia adalah masa yang sesuai kerana tidak memerlukan modal pelaburan yang banyak.

“Pada ketika itu, harga turun dan tidak perlu melabur dengan banyak...kebanyakan syarikat memerlukan dana pada tempoh berkenaan,” katanya ketika menyampaikan ceramah awam pada Program CEO UMS di Dewan Restital UMS, di sini kelmarin.

Beliau turut membuat perbandingan bahawa melabur ketika keadaan ekonomi yang baik agak rumit memandangkan kebanyakannya syarikat pada ketika itu tidak memerlukan sebarang pelaburan.

Dalam pada itu, Mark yang memulakan syarikat dengan nilai RM20,000 kini mencecah RM1.9 bilion selepas 20 tahun penubuhannya.

Ditanya mengenai penjualan Jobstreet kepada SEEK Asia



ZAKI (kiri) menyerahkan cenderahati kepada Mark (tengah) sambil diperhatikan oleh Harun (kanan).

Investment Pte Ltd pada tahun lalu, beliau berkata ia adalah untuk memastikan perkhidmatan yang lebih baik syarikat terbabit menerusi pengabungan bersama syarikat lain.

Dengan menyediakan platform kepada pencari kerja secara percuma katanya, kini sebanyak 120,000 hingga 130,000 di Asia Tenggara

menggunakan Jobstreet untuk merekrut pekerja baharu dengan lebih 30 juta pencari kerja di wilayah terbabit.

Sementara itu, terdahulu dalam ucapan alu-aluannya, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata Program CEO yang dianjurkan itu menyediakan platform dan peluang kepada pelajar untuk

mempelajari daripada yang pakar.

“Saya ingin menggalakkan pelajar agar mengambil peluang memperluaskan perspektif dan mempelajari sesuatu selepas melangkah ke alam pekerjaan,” katanya.

Hadir sama ialah Pengurus Lembaga Pengarah UMS Tun Zaki Tun Azmi dan tetamu kehormat yang lain.